


# PERPUSTAKAAN AWAM PASIR GUDANG

KERATAN AKHBAR BERKAITAN PASIR GUDANG

26 MAC 2019  
SELASA



AKHBAR	TAJUK BERITA	M/S
BERITA HARIAN	TERDEDAH KEPADA PENYAKIT BERBAHAYA	2
BERITA HARIAN	TANGGUH AKTIVITI LUAR, TUNGGU KEADAAN PULIH	3
BERITA HARIAN	KERAJAAN BELUM PUTUSKAN JUMLAH PAMPASAN	4
BERITA HARIAN	DUA PENGARAH PUTUSKAN JUMLAH PAMPASAN	5
BERITA HARIAN	CUTI SEKOLAH PERLU DIGANTI	6
UTUSAN MALAYSIA	KISAH DI SUNGAI KIM KIM	7
KOSMO	SULTAN JOHOR MAHU PENCEMARAN DI DUA SUNGAI DISIASAT	8
SINAR HARIAN	BERDEPAN 15 PERTUDUHAN	9



# BERITA HARIAN

M26

Selasa - BH 26/3/19

isu semasa

**MINDA**Berita  
bhminda@bh.com.my

SELASA, 26 Mac 2019 BIL. 1124 BH

## Terdedah kepada penyakit berbahaya

- Sisa bahan kimia boleh jadi penyebab penyakit kronik


Dari Muka 25

Beliau berkata, sisa kimia yang dikenal pasti terdiri daripada sisa organik yang berisiko tinggi dan berbahaya terhadap kesihatan masyarakat sekitar antaranya akrilonitril, akrolein dan benzina.

"Sisa berkenaan boleh terhasil daripada proses pirolisis tayar terpakai adalah bersifat toksik dan karsinogen sehingga boleh menyebabkan risiko untuk mendapat penyakit kanser bagi yang terdedah secara berterusan dalam tempoh masa yang panjang," katanya ketika dihubungi, baru-baru ini.

"Sebatian kimia yang terhasil daripada proses pirolisis tayar terpakai adalah bersifat toksik dan karsinogen sehingga boleh menyebabkan risiko untuk mendapat penyakit kanser bagi yang terdedah secara berterusan dalam tempoh masa yang panjang," katanya ketika dihubungi, baru-baru ini.

Beliau yang juga Pensyarah Kanan (Kimia) di Pusat Bahan Termaju dan Sumber Keterbaharuhan, FST, UKM berkata, setiap bahan kimia berbahaya mempunyai Had



**Anggota HAZMAT** Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) meninjau keadaan kualiti udara menggunakan alat pengesas gas di Sungai Kim Kim, Pasir Gudang, baru-baru ini.

Pendedahan yang Dibenarkan (PEL).

### Ancam nyawa

Mengulas lanjut, Dr Darfizzi berkata, PEL bagi setiap bahan kimia terabit selalunya diukur dalam unit bahagian per juta (ppm) untuk suatu tempoh masa lapan jam atau berdasarkan had siling yang dibenarkan dalam suatu tempoh masa ditetapkan.

"Ini bermakna, jika seseo-

rang terdedah melebihi nilai PEL ditetapkan, individu terbit tidak boleh mendapat sakit dan nyawanya mungkin terancam dalam tempoh waktu yang singkat.

"Memandangkan bilik darjah di sekolah bersifat terbuka dan mendapat aliran udara secara terus dari luar, maka pelajar adalah golongan paling berisiko untuk mendapat kesan secara terus dalam jangka masa lama sepanjang tempoh perseko-

lahan," katanya.

Beliau juga tidak menolak kemungkinan makanan yang dijual di kantin sekolah tercemar dengan bahan kimia toksik tersebut sepanjang tempoh penyediaan dan penyajian hingga boleh menyebabkan keracunan makanan kepada pelajar.

"Udara yang tercemar boleh mendatangkan keracunan terhadap makanan sekiranya sehingga kawasan berkenaan gas toksik bebas daripada sisa kimia," katanya.

**info.**

### Tiga kaedah kemasukan bahan toksik ke dalam badan

- Pernafasan
- Serapan melalui kulit
- Terbakar: Jerapan gas toksik yang tersebar bebas pada makanan boleh mendatangkan kesan keracunan apabila makanan tersebut dimakan



Dr Darfizzi Derawi

### Hindari kawasan tercemar

Beliau juga menasihatkan pelajar supaya memakai penutup hidung dan mulut jenis R95 kerana ia tidak berfungsi untuk menapis sebatian organik atau bersaskan minyak.


"Elakkan daripada memakai penutup hidung dan mulut jenis N95 kerana ia tidak berfungsi untuk menapis sebatian organik.

"Pelajar juga disarankan pergi bercuti atau pulang ke kampung bersama-sama keluarga untuk keluar dari radius kawasan terjejas buat sekiranya sehingga kawasan berkenaan gas toksik bebas daripada sisa kimia," katanya.

Beliau berpendapat, langkah pengawalan jangka masa panjang perlu dilaksanakan oleh pihak berkewasa supaya kejadian sebegini tidak berulang.

"Antara langkah yang boleh dimulakan adalah dengan memberikan pendidikan serta latihan secara berkala dan berterusan terhadap pengusaha kilang mengenai kepentingan untuk melupuskan sisa kimia mengikut prosedur yang ditetapkan."

"Pihak Jabatan Alam Sekitar (JAS) boleh melaksanakan semula Penilaian Impak Alam Sekitar (EIA) dengan mengambil kira faktor pertambahan sektor industri berbasaskan kimia di kawasan sekitar Pasir Gudang," katanya.



# BERITA HARIAN

## Tangguh aktiviti luar, tunggu keadaan pulih

**Kuala Lumpur:** Semua pelajar di Pasir Gudang dinasihati supaya memberhentikan aktiviti luar dan sentiasa memakai penutup mulut dan hidung atau topeng jenis R95, ekoran pencemaran sisa bahan kimia di Sungai Kim Kim, baru-baru ini.

Ketua Pusat Penyelidikan Sains dan Teknologi Katalisis (PutraCAT), Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Dr Taufiq Yap Yun Hin, berkata jika pelajar mengalami tanda keracunan antara nyawa mual, pening kepala atau muntah, mereka perlu segera mendapatkan rawatan perubatan dengan kadar segera.

"Wap bahan kimia yang tercemar iaitu benzena dan akrilonitril seperti yang dilaporkan amat membahayakan kesihatan kerana bersifat toksik, selain pendedahan yang berpanjangan boleh menyebabkan risiko untuk mendapat kanser."

"Pelajar juga perlu mandi dengan kerap jika terpaksa berada di luar rumah bagi mengelakkan kemungkinan sisa kimia terkena anggota badan dan merebak kepada orang lain," katanya kepada *BH Minda*, baru-baru ini.

Pencemaran yang berlaku di Pasir Gudang menyebabkan hampir 3,976 kes direkodkan sejak 7 Mac lalu.

*BH Minda* difahamkan terdapat lapan sebatian kimia berbahaya disahkan dibuang di Sungai Kim Kim, Pasir Gudang antaranya ialah metana, hidrogen klorida, akrilonitril, akrolein, benzena, toluena, xylene dan limonene.

hayakan kesihatan kerana bersifat toksik, selain pendedahan yang berpanjangan boleh menyebabkan risiko untuk mendapat kanser.

Mengulas lanjut, Prof Taufiq Yap berkata, pendedahan terhadap gas toksik dalam tempoh waktu yang panjang boleh meningkatkan risiko untuk terjadinya kerosakan organ dalaman.

### **Patuh arahan**

*Dr Taufiq Yap Yun Hin*



"Ibu bapa dan penguat kuasa tempatan perlu mengambil tindakan bagi membindung pelajar dan orang ramai berada di persekitaran luar, terutama berhampiran kawasan terjejas," katanya.

Beliau juga menasihatkan pelajar di kawasan terjejas perlu mengikut semua arahan yang dikeluarkan oleh pihak Kementerian Pendidikan dan pihak berkusa.

"Jika perlu, tangguhkan dulu semua aktiviti luar sehingga keadaan disahkan pulih," katanya.



**Pelajar dan guru** dinasihatkan sentiasa memakai penutup mulut dan hidung untuk langkah percegahan.


Walaupun kadar pembebasan gas sudah berkurangan, beliau berkata, pihak berkaitan disarankan untuk terus memantau saliran sungai supaya kejadian itu tidak berulang.

kesihatan orang ramai.

"Pemantauan berterusan juga perlu dilakukan supaya sungai di negara ini sentiasa terpelihara dan bersih daripada pencemaran sisa industri yang bersifat toksik sehingga boleh menjelaskan

.

"Diharap pihak industri yang terbabit dalam pembuangan sisa kimia terus dipantau bagi memastikan kejadian sama tidak berulang," katanya.



# BERITA HARIAN

Ms.6

Selasa, 26 Mac 2019 BH

→ ISU

PENCEMARAN DI PASIR GUDANG

Selasa - BH - 26/3/19.

## Kerajaan belum putuskan jumlah pampasan

**Kuala Lumpur:** Kerajaan belum memutuskan jumlah pampasan kepada mangsa pencemaran bahan kimia Sungai Kim Kim di Pasir Gudang, Johor.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, berkata pada masa ini fokus kerajaan ialah memberikan perkhidmatan kesihatan yang baik kepada mangsa, khususnya rawatan segera kepada penduduk.

Menjawab soalan tambahan Mohd Shahar Abdullah (BN UMNO-Paya Besar) pada sidang Dewan

Rakyat semalam, Dr Wan Azizah berkata selain itu, kerajaan juga menumpukan kepada usaha pencegahan supaya kejadian sama tidak berulang.

### Beri rawatan kesihatan

Mohd Shahar ingin tahu jumlah pampasan kepada mangsa pencemaran Sungai Kim Kim, sama ada pada kadar sama dengan wang ehsan mangsa banjir sebanyak RM500 atau sebaliknya.

“Berhubung kejadian di Sungai Kim Kim, setakat ini, apa yang ker-

ajaan ambil tanggungjawab adalah memberikan mangsa rawatan kesihatan yang diperlukan sebaik mungkin dan untuk pampasan belum diputuskan,” kata Timbalan Perdana Menteri.

Sementara itu, menjawab soalan asal Datuk Rosol Wahid (PH BER-SATU-Hulu Terengganu), Dr Wan Azizah berkata kerajaan memperuntukkan sebanyak RM8.78 juta untuk menangani banjir di Pantai Timur sepanjang musim Monsun Timur Laut, November hingga Januari lalu.

Beliau berkata jumlah itu termasuk peruntukan RM5.6 juta untuk pusat pemindahan banjir serta RM2.8 juta bagi menyediakan pangkalan hadapan di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat untuk kegunaan perolehan keperluan asas seperti tilam, tikar, selimut dan bantal.

### Bantuan ehsan RM500


Katanya, RM320,000 turut disediakan bagi perbelanjaan Sekretariat Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri dan operasi Jawatanku-

sa Pengurusan Bencana Daerah di negeri Pantai Timur.

“Bagi mangsa banjir pula, Kerajaan Persekutuan memperuntukkan bantuan ehsan RM500 kepada setiap ketua isi rumah,” katanya.

Timbalan Perdana Menteri berkata, jumlah itu disalurkan sejak November tahun lalu hingga 7 Mac lalu.

“Agenzi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) telah menjalankan tanggungjawab sebaik mungkin untuk menangani mangsa bencana alam itu,” katanya.



# BERITA HARIAN

## Dua pengarah, kilang tayar kena dakwa cemar sungai

• Tertuduh mengaku tak bersalah semua 15 pertuduhan

Oleh Mohamed Farid Noh  
farid\_noh@bh.com.my

\* Johor Bahru

**S**ebuah kilang pemprosesan tayar terpakai, P Tech Resources Sdn Bhd dan dua jenaka termasuk seorang warga Singapura dihadapkan di Mahkamah Sesyen Johor Bahru atas 15 pertuduhan masing-masing membabitkan kesalahan gagal mematuhi pemantauan udara bersih dan buangan terjadual di Sungai Kim Kim.

Tertuduh, Wang Jing Chao, 34, warga Singapura, dan Yap Yoke Liang, 36, yang juga Orang Kena Saman (OKS) masing-masing mengaku tidak bersalah yang hadap semua pertuduhan yang dibacakan di hadapan Hakim Jallani Rahman, semalam.

Jing Chao dan Yoke Liang masing-masing sebagai pengarah kilang berkenaan didakwa atas tujuh pertuduhan membabitkan pembuangan terjadual, iaitu gagal membuat pemberitahuan mengenai buangan terjadual yang ditetapkan di bawah Peraturan 3(1), Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (Akta 127).



[FOTO HAIRUL ANUAR RAHIM/BH]

**Yoke Liang (kanan)** dan Jing Chao diiringi polis ke Mahkamah Sesyen Johor Bahru, semalam.

Ia membawa hukuman denda maksimum RM10,000 atau penjara maksimum sekali sahut atau kedua-duanya sekaligus jika sabit kesalan.

Kedua-dua mereka juga dihadap atas lapan pertuduhan membabitkan udara bersih iaitu gagal menjalankan pemantauan berkala di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 2014, akta yang sama.

Ia membawa hukuman denda maksimum RM100,000 atau penjara maksimum dua tahun, jika sabit kesalan.

Kilang terbabit turut didakwa atas 15 pertuduhan sama yang diwakilkan dua OKS berkenaan.

Semuanya dilakukan dengan syarat tambahan iaitu penjamin perlu warga Malaysia, selain melaporkan diri ke Balai Polis Pasir Gudang setiap hari bulan sehingga kes saman itu, selesai.


Pendakwaan dikendalikan

Timbalan Pendakwa Raya Putrajaya Muhammad Asyraf Kamal dan Farru Nor Azura Jumuddin, manakala semua tertuduh diwakili peguam, G Subramanian Nair.

Kelmanarin, Jing Chao dan Yoke Liang mengaku tidak bersalah atas satu pertuduhan melupuskan buangan terjadual iaitu buangan minyak atau enap cemar berminyak ke Sungai Kim Kim, Pasir Gudang pada 7 Mac lalu.

Yoke Liang diperintah diikat jamin sebanyak RM250,000

dengan seorang penjamin dan pasportnya diserahkan kepada mahkamah, manakala Jing Chao yang juga warga Singapura, tidak ditawarkan jaminan.



# BERITA HARIAN

## Cuti sekolah perlu diganti

**Simpang Renggam:** Cuti persekolahan sempena penutupan sementara 111 sekolah di Pasir Gudang akibat pencemaran sisa kimia berbahaya di Sungai Kim Kim perlu diganti, kata Menteri Pendidikan, Dr Maszlee Malik.

Beliau berkata, penggantian cuti berkenaan perlu dilakukan bagi menyelesaikan suktutan atau silibus pembelajaran pelajar yang terjejas.

Katanya, walaupun cuti disebabkan pencemaran gas beracun dan ianya satu bencana, penggantian kelas perlu dilakukan.

"Kena ada cuti ganti, jika tidak, pasti timbul rasa tidak adil kepada mereka (pelajar) apabila tempoh dan waktu pembelajaran dipendekkan yang secara tidak langsung menyebabkan banyak mata pelajaran tertinggal.

"Jumlah cuti ganti dan bila ia akan mula dilaksanakan akan dimaklumkan selepas cuti penggal pertama berakhir."

### Beri makluman kepada sekolah

"Kementerian sudah memberi makluman awal kepada sekolah terabit bagi memudahkan mereka merangka jadual kelas ganti," katanya.

Maszlee berkata demikian pada sidang media selepas melawat Loji Rawatan Air (LRA) Simpang Renggam, di Kampung Kolam Air dekat sini, semalam.


Sebanyak 111 sekolah yang terkesan dengan pencemaran gas berbahaya di Sungai Kim Kim diberikan cuti sehingga 31 Mac ini bagi mengelakkan pelajar terjejas kesihatan selain membolehkan kerja-kerja pembersihan diselesaikan.

Pencemaran toksik di Sungai Kim Kim yang berlarutan sejak 7 Mac lalu itu menjaskan hampir 6,000 penduduk termasuk pelajar sehingga 111 sekolah di Pasir Gudang diarahkan ditutup sementara.




Jumlah cuti ganti dan bila ia akan mula dilaksanakan akan dimaklumkan selepas cuti penggal pertama berakhir"

**Maszlee Malik,**  
Menteri Pendidikan



# UTUSAN MALAYSIA



KERJA-KERJA pembersihan sisa toksik dilakukan pihak kontraktor dan agensi yang terlibat di Sungai Kim Kim, Pasir Gudang, Johor, baru-baru ini.

## Kisah di Sungai Kim Kim

Oleh ZULHISHAM ISAHAK  
utusan.johor@gmail.com



**S**ITUASI di pekarangan Sekolah Kebangsaan (SK) Pasir Putih dan Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Pasir Putih, Pasir Gudang, baru-baru ini kalut dan cemas.

Pelajaranya pengsan, pening kepala, loya dan muntah-muntah akibat pencemaran toksik di Sungai Kim Kim yang jaraknya hanya kira-kira 500 meter dari hadapan dua sekolah itu.

Susahan di situ tidak ubah seperti berlakunya kemalangan melibatkan dua sekolah di hadapan kedua-dua sekolah itu yang terletak bersebelahan.

Ini kerana boleh dilihat khemah-khemah selain kanvas dibentang dengan petugas perubatan dan pihak bomba merawat pelajar, selain ambulans berulang-ulik ke Hospital Sultan Ismail (HSI) Johor Bahru.

Itu apa yang penulis saksikan pada tanggal 7 Mac 2019 iaitu hari pertama perlakunya pencemaran toksik. Sebenarnya bukan sahaja pelajar menjadi mangsa tetapi orang awam turut mengalami simptom-simptom sama malah ada yang pengsan di rumah, rebah di pasar raya dan tempat-tempat awam termasuk pekerja-pekerja terbang di Pelabuhan Johor.

Gambar-gambar ini menjadi


sumbangan terutama makanan sehingga berlaku pembaziran.

NGO seperti Pertubuhan Ihsan Johor pula mengedarkan 8,940 penutup muka secara percuma selain menubuhkan Tabung Misi Pertubuhan Ihsan Johor Kemanusiaan Pasir Gudang 2019 yang kini berjumlah RM26,775.

Menurut beberapa petugas perubatan, mereka yang mendapat rawatan bukan semua disebabkan pencemaran toksik tetapi simptom strok haba kerana ketika itu difahamkan suhu mencapai hampir 40 darjah Celsius. Ini sebenarnya bukan kemalangan industri tetapi kecuanian manusia dan faktor semasa.

Telatah lucu pelajar juga boleh dilihat apabila ada antara mereka yang seakan-akan 'berlakon' ketika pasukan keselamatan merawat mereka. Namun sikap profesional petugas berkhidmat sepajang 14 hari itu datang dari seluruh negara.

Mereka terdiri daripada agensi serta jabatan kerajaan dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) malah Petronas turut berkontribusi kepada mereka dalam menguruskan mangsa-mangsa pencemaran toksik. Mereka berkhidmat siang malam. Simpati dengan petugas yang bertanggungjawab dan nasib pesakit toksik yang dirawat di pusat-pusat rawatan, banyak pihak menghulurkan



## Sultan Johor mahu pencemaran di dua sungai disiasat



**JOHOR BAHRU** – Sultan Johor, Sultan Ibrahim Almarhum Sultan Iskandar (**gambar**) semalam menitahkan pihak berkuasa agar segera menyiasat pencemaran yang berlaku di Sungai Ulu Benut dan Sungai Machap dekat Simpang Renggam yang dipercayai menyebabkan berlakunya kematian ikan-ikan di sungai tersebut.

Sultan Ibrahim dalam satu kenyataan mahu satu siasatan secara me-

nyeluruh berkaitan pencemaran tersebut dilakukan agar kejadian seperti di Sungai Kim Kim, Pasir Gudang baru-baru ini tidak berulang.

Dalam satu kenyataan menerusi Facebook rasmi baginda, Sultan Ibrahim bertitah agar pihak berkuasa yang berkaitan segera mengemukakan laporan berhubung pencemaran tersebut.

“Lakukan siasatan dan saya juga

mahukan laporan segera berhubung perkara ini. Sesiapa sahaja terlibat perlu bertanggungjawab kerana melakukan pencemaran terhadap sungai-sungai.


“Ini satu perbuatan yang tidak bertanggungjawab,” titah baginda.

Sementara itu, Jabatan Alam Sekitar (JAS) Johor telah mengeluarkan empat kompaun ke atas syarikat yang bertanggungjawab mencemarkan

Sungai Ulu Benut dan Sungai Machap.

Pengarahnya, Datuk Mohamad Ezanni Mat Salleh berkata, kompaun itu membabitkan permasalahan loji rawatan cairan yang menginfiltasi sampah (*leachate*) dan buangan berjadual.

“Siasatan akan terus dilakukan dari masa ke semasa,” katanya di sini semalam.



# SINAR HARIAN

16

26/3/19 - Sinar Harian  
Selasa :

## NASIONAL

# Berdepan 15 pertuduhan

Dua pengarah,  
sebuah kilang  
dihadapkan  
ke mahkamah

SHAFIQ TINO

JOHOR BAHRU

**D**ua pengarah syarikat dan sebuah kilang memproses tayar masing-masing berdepan 15 tuduhan menyebabkan pencemaran di Sungai Kim Kim, Pasir Gudang, semalam.

Yap Yoke Liang, 42, dan Wang Jing Chao, 34, bagaimanapun mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini selepas pertuduhan dibacakan jurubahasa di hadapan Hakim Jalani Rahman.

Kedua-dua tertuduh mewakili Kilang P Tech Resources Sdn Bhd membuat pengakuan tidak bersalah terhadap pertu-

PENCEMARAN  
SUNGAI KIM KIM



Yoke Liang dan Jing Chao dibawa polis memasuki kamar perbicaraan.

duhan ke atas kilang tersebut.

Mereka didakwa atas lapan tuduhan gagal menjalankan pemantauan berkala jika dikehendaki di bawah Peraturan 16(1) Peraturan-Peraturan Kulalit Alam Sekeliling (Udara Bersih) 2014.

Jika sabit kesalahan boleh didenda RM100,000 atau penjara sehingga dua tahun atau kedua-duanya sekali.

Untuk tujuh pertuduhan seterusnya, tertuduh masing-masing didakwa gagal membuat pemberitahuan buangan terjadual SW 311 sepetitmanya ditetapkan Peraturan 3(1), Peraturan-Peraturan Ku-

RM100,000 atau penjara se-

hingga dua tahun atau kedua-duanya sekali.

Untuk tujuh pertuduhan seterusnya, tertuduh masing-masingnya didakwa gagal membuat pemberitahuan buangan terjadual SW 311 sepetitmanya ditetapkan Peraturan 3(1), Peraturan-Peraturan Ku-

aliti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005.

Jika sabit kesalahan, tertuduh boleh didenda RM10,000 atau penjara sehingga setahun atau kedua-duanya sekali.

Pendakwaan dikenyaligan Timbalan Pendakwa Raya, Mohamad Asyraf Md Kamal manakala tertuduh diwakili peguam, G Subramaniam Nair.

Mahkamah menetapkan jaminan RM15,000 bagi setiap lapan pertuduhan pertama dan seorang penjamin ke atas setiap tertuduh.

Untuk tujuh pertuduhan seterusnya, setiap tertuduh diberi jaminan RM3,000 yang menjadikan jumlah keseluruhan setiap mereka perlu bayar adalah RM141,000.

Jalani turut memerintahkan Jing Chao yang juga warga negara Singapura melaporkan diri setiap bulan di Balai Polis Pasir Gudang sehingga kes selesai.

Beliau kemudian menetapkan 30 April ini sebagai tarikh sebutan semula kes.

